

MEDIA RELEASE

Industri penternakan lembu sedunia menantikan Beef Australia 2015

Inilah waktu yang tepat bagi pengeluar daging lembu sekitar dunia untuk merancang lawatan masing-masing ke Beef Australia 2015, pertunjukan industri yang diadakan tiga tahun sekali di Australia.

Beef Australia 2015 meraikan semua sudut industri daging lembu Australia dan membuka peluang perdagangan dan eksport baharu melalui pendedahan rantai bekalan tempatan kepada peneraju industri sedunia.

Acara yang bakal diadakan antara 4 hingga 9 Mei tahun depan akan menghimpunkan para peneraju dan penginovasi industri penternakan lembu dari serata dunia dalam pertunjukan, penjualan, seminar, dan peluang perdagangan antarabangsa yang baharu selama seminggu.

“Pameran industri daging lembu kebangsaan Australia ini diadakan hanya sekali setiap tiga tahun di Rockhampton, Central Queensland dan pada tahun 2012, berjaya menarik kunjungan lebih daripada 80,000 pelawat dari lebih daripada 30 negara,” kata Pengerusi Beef Australia, Encik Blair Angus.

“Inilah peluang terbaik bagi pengeluar dan peneraju industri dari Eropah, Asia, Afrika, Amerika Utara, dan Amerika Selatan untuk mengenali setiap aspek rantai bekalan di Australia dan saya galakkan mereka bermula merancang sekarang untuk memastikan mereka berpeluang menyertai pertunjukan lembu dan daging lembu Australia yang hebat ini.”

Beef Australia 2015 berlokasi di daerah penternakan Australia dan akan membantu pelawat dari luar negeri menjalinkan hubungan dengan industri Australia dan melihat dengan mata sendiri bukan sahaja sistem-sistem pengeluaran daging lembu yang digunakan di pusat-pusat penternakan lembu tempatan, tetapi juga keindahan kawasan Aussie Outback.

Beef Australia 2015 akan dibuka dengan sebuah persidangan industri yang menampilkan beberapa penceramah, termasuklah pemimpin perniagaan, pakar teknikal, dan pengeluar dari Australia serta penceramah jemputan dari sekitar dunia.

Maklumat dan hubungan yang diperoleh semasa menyertai persidangan ini boleh dimanfaatkan semasa pameran Beef Australia 2015 yang akan memperagakan antara baka lembu yang terbaik di negara ini.

Para pelawat dari luar negeri yang berdaftar juga akan dibenarkan masuk percuma ke ruang pameran, di samping penggunaan percuma sebuah Ruang Rehat Perniagaan Antarabangsa.

Sebagai bantuan selanjutnya kepada wakil-wakil antarabangsa ke Beef Australia 2015, Kerajaan Queensland, dengan kerjasama Suruhanjaya Perdagangan Australia, akan menganjurkan sebuah program pemadanan perniagaan percuma bergelar “Handshakes”, yang merangkumi sokongan penterjemahan bahasa.

MEDIA RELEASE

“*Handshakes* menyediakan peluang keemasan kepada syarikat pertanian antarabangsa bertemu dengan perusahaan Australia dan pakar penternakan untuk meninjau peluang perniagaan,” kata Encik Angus.

“Pameran Beef Australia 2015 tidak hanya terbatas kepada gelanggang pertunjukan, bilik seminar, dan fungsi sosial, tetapi juga merupakan acara yang tiada tandingannya, yang wajib dialami oleh semua peserta industri penternakan lembu.”

Tempahlah tempat anda sekarang dan jadilah sebahagian daripada Beef Australia 2015 di Rockhampton, Central Queensland pada 4-9 Mei nanti.

- Bantuan menguruskan perjalanan dan penginapan, serta tempahan persiaran sebelum dan selepas ekspo boleh dilakukan melalui Quadrant AgTours di www.quadrantaustralia.com.
- Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang Beef Australia 2015 dan untuk mendaftarkan diri sebagai wakil antarabangsa ke ekspo ini, layarilah www.beefaustralia.com.au atau hubungi talian +61 (7) 4922 2989.

TAMAT

Hubungan Media: Michael Thomson, Cox Inall Communications, +61 (0) 408 819 666